

**SUK.D200(06)600/9/Jld 18(6)**



**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 1 TAHUN 2023**

---

**PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD BAGI  
URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT**

## 1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini adalah bertujuan untuk menjelaskan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan bagi **Penambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat** kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat diperuntukkan untuk menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan dengan ahli keluarga terdekat. **Kemudahan cuti tanpa rekod ini diperuntukkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 9 Tahun 2015: Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat.**
- 2.2 Surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam melalui rujukan: JPA.(S).800-1/1/7(3) bertarikh 5 September 2022 adalah dirujuk.
- 2.3 Peraturan sedia ada memperuntukkan bahawa pegawai Perkhidmatan Awam Negeri diberi Kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat. Dalam hal ini, tafsiran ahli keluarga terdekat sedia ada bermaksud suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mertua, bapa mertua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat *de facto* dan anak pelihara.

### 3. PELAKSANAAN

- 3.1 Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini terpakai kepada **pegawai Perkhidmatan Awam Negeri lantikan tetap, sementara, kontrak (*Contract of Service*), Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) dan *Contract For Service (CFS)*.**
- 3.2 Peluasan tafsiran ahli keluarga terdekat kini ditambah baik merangkumi adik-beradik, nenek dan dan datuk pegawai. Penambahbaikan ini berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2022.
- 3.3 Dalam pekeling perkhidmatan ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain:-
- (a) **'ahli keluarga terdekat'** bermaksud suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat (yang sah di sisi undang-undang), bapa kandung atau bapa angkat (yang sah di sisi undang-undang), ibu mertua, bapa mertua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat *de facto* dan anak pelihara, adik-beradik, nenek dan datuk kepada pegawai.
  - (b) **'anak angkat'** bermaksud seseorang anak yang telah dibenarkan oleh Mahkamah untuk diangkat semula (sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Seksyen 2 Akta Pengangkatan 1952 [*Akta 257*]).
  - (c) **'anak angkat *de facto*'** bermaksud seseorang kanak-kanak itu berada dalam jagaan, sedang dibesarkan, ditanggung dan dididik oleh pegawai sebagai anaknya di bawah suatu pengangkatan *de facto*, dan bagi suatu tempoh tidak kurang daripada dua (2) tahun yang berterusan dan sebelum sahaja dari tarikh permohonan tersebut di bawah seksyen 6, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 [*Akta 253*].

- (d) **'anak pelihara'** bermaksud seseorang kanak-kanak yang diberi pemeliharaan, jagaan dan kawalan kepada ibu bapa peliharaan di bawah perenggan 30(1) Akta Kanak-kanak 2001 [*Akta 611*].
- (e) **'bapa angkat'** bermaksud bapa kepada anak angkat seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 257.
- (f) **'bapa mertua'** bermaksud bapa kepada isteri atau suami yang sah.
- (g) **'ibu angkat'** bermaksud ibu kepada anak angkat seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 257.
- (h) **'ibu mertua'** bermaksud ibu kepada isteri atau suami yang sah.
- (i) **'adik-beradik'** bermaksud beberapa orang yang mempunyai hubungan kekeluargaan kerana seayah dan seibu atau seayah atau seibu.
- (j) **'nenek'** bermaksud ibu kandung kepada ibu kandung atau bapa kandung pegawai.
- (k) **'datuk'** bermaksud bapa kandung kepada ibu kandung atau bapa kandung pegawai.
- (l) **'Ketua Jabatan'** bermaksud seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu jabatan, institusi atau agensi dan termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan Cuti Rehat bagi jabatan, institusi dan agensi.
- (m) **'perkhidmatan Kerajaan'** bermaksud Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

3.4 Kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat hendaklah dilaksanakan seperti yang berikut:

- (i) kemudahan ini diberikan selama tiga (3) hari berturut-turut sebagai Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai Perkhidmatan Awam untuk

membuat apa-apa urusan pengebumian jenazah ahli keluarga terdekat itu dan untuk membantu waris-waris jenazah tersebut untuk urusan-urusan lain yang berkaitan;

(ii) bagi maksud kemudahan yang diperuntukkan untuk urusan kematian ibu mentua atau bapa mentua, kemudahan ini adalah terhad bagi seorang ibu mentua dan seorang bapa mentua sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan Kerajaan;

(iii) Cuti Tanpa Rekod ini hendaklah:

a) bermula pada tarikh kematian ahli keluarga terdekat atau pada hari berikutnya jika ahli keluarga berkenaan meninggal dunia selepas waktu pejabat; dan

b) meliputi hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am. Bagi maksud Ceraian ini, masa selepas waktu pejabat juga terpakai bagi hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.

(iv) kemudahan ini adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan Ketua Jabatan boleh memanggil balik pegawai jika ketiadaan pegawai di tempat kerja boleh memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan awam; dan

(v) permohonan Cuti Tanpa Rekod ini hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan dengan menggunakan Borang Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat seperti di **Lampiran SR.5.2.1** beserta salinan dokuman pengesahan kematian ahli keluarga terdekat apabila pegawai kembali bertugas dan hendaklah dicatatkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.

4. **TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2022**.

5. **PEMAKAIAN**

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini terpakai kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Badan Berkanun Negeri.

6. **PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 9 Tahun 2015:Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

**“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”**



**DATO' TUAN ZAINAL ABIDIN BIN TUAN YUSUF, D.P.S.K (Kelantan)**  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN

Bertarikh : 1 Syaaban 1444H  
22 Februari 2023

**SENARAI EDARAN :**

- Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
- Semua Badan Berkanun Negeri
- Semua Ketua Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

**PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD BAGI URUSAN KEMATIAN AHLI  
KELUARGA TERDEKAT**

**Arahan:** Maklumat hendaklah dilengkapkan dengan **jelas** dan menggunakan **huruf besar**.

**BAHAGIAN I : BUTIRAN DIRI PEGAWAI**

1. Nama Penuh :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Jawatan :
4. Gred Jawatan Hakiki :   
(mengikut skim perkhidmatan, sekiranya sedang memangku, sila nyatakan gred pemangku)

**BAHAGIAN II : BUTIRAN KEMATIAN**

5. Nama Gemulah :
6. Tarikh Kematian :
7. Waktu Kematian :
8. Hubungan Dengan Pegawai :  Suami/ Isteri                       Anak pelihara  
 Anak kandung                                       Bapa angkat  
 Ibu kandung     Bapa mentua  
 Bapa kandung     Ibu angkat  
 Anak angkat     Ibu mentua  
 Anak angkat *de facto*
9. Dokumen sokongan yang disertakan.  
 Sijil Kematian/ Daftar Kematian/ Permit Mengubur  
 Dokumen pengangkatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara/Perintah Mahkamah/Jabatan Kebajikan Masyarakat (jika berkaitan)

**BAHAGIAN III : PENGESAHAN PEGAWAI**

10. Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat sebagaimana yang dinyatakan di **Bahagian I dan II adalah benar**. Berkaitan itu, saya memohon menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat selama ..... hari, pada/ mulai.....sehingga .....

Tandatangan : Tarikh :



**BAHAGIAN IV : PENGESAHAN DAN KEPUTUSAN KETUA JABATAN**

**KEGUNAAN PEJABAT**

11. Saya dengan ini mengesahkan bahawa permohonan pegawai **MEMATUHI/ TIDAK MEMATUHI\*** syarat-syarat dan peraturan-peraturan sebagaimana yang ditetapkan. Berkaitan itu, permohonan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bagi pegawai adalah **DILULUSKAN/ TIDAK DILULUSKAN \*** pada/ mulai.....sehingga .....

Tandatangan \_\_\_\_\_

Nama dan cap rasmi :

Jawatan : |

Tarikh :

*\*potong mana yang tidak berkenaan*

*\*kemudahan Cuti Tidak Berekod ini hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan.*

12. Jika tidak diluluskan (nyatakan sebab):

.....